

18/09/2002

Hadi dakwa pegawai kanan kerajaan salur maklumat

KEMAMAN, Selasa - Ketua Pembangkang Parlimen, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, mendakwa pembangkang memperoleh maklumat daripada pegawai kanan kerajaan bagi membantu merangka belanjawan alternatif 2003.

Katanya, belanjawan itu dirangka berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada sumber walaupun pegawai kerajaan terbabit terikat dengan akujanji.

"Kita boleh langgar akujanji sekiranya tindakan kerajaan tidak betul dan larangan itu juga membabitkan pegawai dan kakitangan di Kelantan dan Terengganu," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian dan pecah tanah projek perumahan bercampur Desa Taqwa, di Paya Berenjut, di sini, hari ini.

Abdul Hadi, diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyifatkan hasrat pembangkang membentangkan belanjawan alternatif di Dewan Rakyat sebelum Belanjawan 2003 dibentangkan Jumaat ini, sebagai satu jenaka.

Abdul Hadi turut mendakwa mendapat bantuan pakar ekonomi di institusi pengajian tinggi dan ahli korporat dalam merangka belanjawan alternatif 2003.

Katanya, belanjawan alternatif 2003 menjurus kepada penambahan peruntukan bagi wanita dan menumpukan usaha mengatasi masalah kemiskinan di seluruh negara.